



Abdul Jabbar di hadapan premisnya di Kanchong Darat.



Pelbagai jenis pakaian berjenama dijual di premisnya dengan harga berpatutan.



Abdul Jabbar sibuk melayan pelanggannya memilih baju.

JBR Bundle Boutique jadi kebanggaan Abdul Jabbar

Perniagaan pakaian terpakai atau bundle kini semakin mendapat tempat dalam kalangan orang kebanyakan dan belia amnya.

Atas alasan itu, mendorong Abdul Jabbar Bachtiar Nasution, 31, pemilik JBR Bundle Boutique, membuka perniagaan bundle yang dilihat mampu menjana pendapatan lumayan.

Menurutnya, melihat situasi ekonomi negara kini, kebanyakan pelanggannya mencari alternatif baharu untuk mendapatkan pakaian di premisnya sebagai langkah meminimumkan perbelanjaan.

"Sekarang semua mahal, lagi-lagi bila beli pakaian berjenama. Bila beli kat bundle, sekurang-kurangnya mereka dapat barang berjenama dengan harga yang jauh lebih murah," katanya.

Bercerita pengalaman ketika mula berniaga, Abdul Jabbar berkata, pada awalnya dia kurang yakin perniagaan itu bakal mendapat sambutan.

Usahawankita

"Mula-mula berniaga memang ragu-ragu sikit, walaupun sebelum ni memang pernah tengok anak-anak muda berniaga, kedai

bundle pun dah jadi satu trend sekarang ni. Tapi bila dah cuba, Alhamdulillah sambutan tak diduga...saya pun terima banyak respons baik daripada kawan-kawan dan penduduk setempat.

"Kini saya bangga sebab sudah ada dua kedai bundle iaitu di Kanchong Darat dan satu lagi di pekan Banting. Insya-ALLAH jika ada rezeki saya nak buka banyak cawangan lagi terutamanya di Sabah dan Sarawak," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain itu, Abdul Jabbar turut memaklumkan, dia bakal mengadakan jualan amal selama tiga hari bermula 29 April (jam 2.30 petang-12 malam), 30 April dan 1 Mei (10 pagi-12 malam) di mana tujuh peratus keuntungan akan diserahkan kepada anak yatim di sekitar Banting.

"Harga yang ditawarkan sempena jualan tersebut hanya serendah 20 sen hingga RM5. Selain itu kami turut menyediakan cabutan bertuah di mana hadiah keseluruhan lebih RM3,000 bagi pembelian RM50 ke atas dan pemenang akan diumumkan pada hari akhir jualan itu nanti," katanya.

Pantau premis, kenderaan terbiar

MDKL minta semua pihak bekerjasama bantu kekang penambahan kes denggi di daerah ini

BANTING - Pelbagai agensi diharapkan dapat memantau premis dan kenderaan terbiar di sekitar Kuala Langat bagi memastikan tiada penambahan kes denggi berlaku di daerah ini.

Ahli Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Datuk Dr Yahya Baba berkata, beliau memaklumkan lokasi kenderaan dan premis terbiar antara faktor pembiakan aedes.

Bagaimanapun menurutnya, fokus tersebut hanya sebagai alternatif lain dalam membantu mengekang kes denggi.

"Isu denggi ni memang tak boleh selesai kalau semua pihak tak beri kerjasama.

"Jadi sebagai agensi yang mahu beri pendedahan kepada masyarakat, kita perlu bergerak dengan memastikan lokasi-lokasi yang jarang diberi penekanan ini dipantau," katanya ketika mesyuarat penuh MDKL, semalam.

Sementara itu, Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed



Yahya (kanan) ketika membentangkan isu premis dan kenderaan terbiar ketika mesyuarat penuh MDKL, semalam.

Ali berkata, masalah sampah haram dibuang di rumah kosong juga menjadi penyumbang kes denggi.

Katanya, beliau turut mendapat maklumat terdapat aktiviti warga asing yang membuang sampah ha-

ram di kawasan rumah kosong berhampiran rumah mereka.

"Jadi kita minta kalau berlaku di kawasan Kuala Langat tolong pantau, dan sebagai pemimpin adalah menjadi tanggungjawab untuk beri



Mesyuarat itu turut membincangkan berkenaan lokasi-lokasi premis dan kenderaan terbiar yang harus diberi penekanan.

informasi kepada rakyat.

"Kita tak nak aktiviti itu menjadi masalah kepada penambahan kes denggi di daerah ini," katanya.

Dalam pada itu, berdasarkan maklumat Pejabat Kesihatan Daerah

Kuala Langat, operasi penguatkuasaan premis individu yang dijalankan sehingga bulan ini sebanyak 79 premis dan kediaman dikenakan kompaun atas kesalahan menyebabkan pembiakan jentik-jentik.